

14/05/2002

MCA batal pencalonan bahagian

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Isnin - MCA hari ini membatalkan semua pencalonan bagi mencabar penyandang jawatan dalam pemilihan peringkat bahagian yang dibuat Jumaat lalu, selaras dengan pelan damai yang dipersetujui parti itu.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, berkata bahagian yang gagal mencapai persetujuan mengisi kekosongan sesuatu jawatan, akan dibiarkan kosong hingga persetujuan dicapai.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Parti berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu kira-kira tiga jam di Wisma MCA di sini.

Dr Ting berkata, Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Parti juga mengambil keputusan menangguhkan mesyuarat agung di lima daripada kira-kira 40 bahagian yang gagal mencapai persetujuan.

Bahagian itu ialah Pokok Sena kecuali Pemuda, Pemuda bahagian Rasah, Wanita bahagian Gombak dan Sungai Petani serta ketiga-tiga cabang bahagian Bukit Mertajam.

Beliau berkata, lima bahagian itu akan diambil alih oleh Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Parti dan badan perhubungan negeri masing-masing supaya perbincangan dapat diteruskan.

"Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota juga akan bertindak menyelaraskan perbincangan untuk memastikan persetujuan dicapai dalam tempoh seminggu mulai hari ini," katanya.

Ditanya apa akan terjadi jika persetujuan gagal dicapai selepas tempoh itu, beliau berkata, mesyuarat agung bahagian terbabit akan ditangguhkan sehingga mencapai persetujuan.

Katanya, pemilihan bahagian untuk Pemuda dan Wanita MCA yang akan diadakan esok dan lusa (bagi badan induk) hanya perlu menyediakan satu kertas undi bagi mematuhi arahan Jawatankuasa Pusat (CC) MCA untuk mengekalkan kepemimpinan sedia ada.

Pada 23 April lalu, dua kumpulan bertelagah dalam MCA bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada, termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat sehingga 2005.

Kesepakatan itu dicapai bagi menyokong agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengakhiri kemelut kepemimpinan MCA yang berlarutan sejak lebih dua tahun lalu.

Dr Ting berkata, semua pihak termasuk pencabar sepatutnya mematuhi keputusan CC MCA untuk mengekalkan status quo bagi tempoh tiga tahun akan datang.

(END)